

31/10/2003

Dr Mahathir tidak lupa kawan lama

By Johari Ibrahim

"SEMENJAK saya mengenali Dr Mahathir, saya dapati beliau adalah seorang yang kuat bekerja dan tidak suka membuang masa," kata Yaakob Harun, 67, sahabat yang banyak berdamping dengan Perdana Menteri dalam senario politik tanah air.

Malah, katanya, istilah rehat tiada dalam kamus Dr Mahathir kerana waktu terluangnya dihabiskan dengan membaca dan menulis.

Beliau berkata, sejak membabitkan diri dalam dunia politik, Dr Mahathir pernah merasa kecewa setelah menempuh pelbagai kegagalan.

Namun, katanya, kegagalan itu tidak sedikit pun merencatkan keazaman Dr Mahathir untuk terus maju dalam politik.

"Beliau pernah kalah dalam pilihan raya 1969 tetapi kekalahan itu menjadi pemangkin baginya untuk terus maju hinggalah berjaya menyandang gelaran Menteri Pelajaran pada 1974," katanya.

Yaakob yang lebih dikenali dengan Pak Kob, berkata Dr Mahathir adalah seorang pejuang kerana tidak mengenali istilah putus asa atau kecewa.

Katanya, sungguhpun pernah disingkirkan dari Umno dan dipulau oleh rakan-rakannya yang awalnya memberi sokongan padu kepadanya, beliau tetap meneruskan perjuangan.

Malah, Yaakob berkata, penyingkiran itu banyak memberi hikmah kepada Dr Mahathir yang dapat mengenali siapa kawan dan lawan yang selama ini berada di sekelilingnya.

"Kesungguhannya memperjuangkan kebenaran dan bekerja keras membolehkannya kembali mendapat tempat di dalam Umno.

"Pada pilihan raya 1974 beliau berjaya memenangi kerusi parlimen di Kubang Pasu dan kemenangannya itu memberi rahmat kerana terpilih menjadi Menteri Pelajaran di bawah pimpinan (Allahyarham) Tun Abdul Razak," katanya.

Yaakob berkata, sejak Dr Mahathir menempa kejayaan dalam dunia politiknya, beliau sedar tanggungjawab yang dipikulnya semakin berat sehinggalah beliau bekerja tanpa ada cuti.

"Pernah saya pergi menziarahi beliau ketika hari cuti umum di pejabatnya dan apa yang menghairankan beliau masih bekerja hingga larut malam.

"Sebab itu, saya tidak hairan kalau beliau boleh mengajak rakyat bekerja keras untuk kemajuan negara kerana beliau sendiri memiliki ciri-ciri tersebut," kata Yaakob yang kagum dengan pengorbanan Dr Mahathir.

Katanya, beliau paling tersentuh apabila menziarahi Dr Mahathir selepas Perdana Menteri menjalani pembedahan pintasan jantung.

"Walaupun doktor menasihatkan beliau supaya berehat, Dr Mahathir masih menjalankan tugasnya dengan melakukan kerja-kerja ringan walaupun masih menanggung kesakitan," katanya.

Menyentuh keakraban Dr Mahathir dengan kawan-kawan lamanya, Yaakob berkata Dr Mahathir tetap menerima mereka yang menziarahinya malah memberi kelonggaran kawalan kepada kawan lamanya untuk masuk berjumpa dengannya.

..TX:

* Saya masih ingat, sangat lemah dalam bahasa Inggeris tetapi selepas dinasihati Dr Mahathir pentingnya bahasa itu saya belajar menguasainya.

Wan Fatimah Wan Arshad

* Oleh kerana Dr Mahathir menjadi pelanggan tetap sekian lama, saya buat rekaan khas untuk beliau dan menamakan songkok `Stail PM.'

Sardi Dahar

(END)